

Filem-Filem

P. RAMLEE



308
S

Oleh Mustafar A.R. & Aziz Sattar

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Filem-Filem P. Ramlee

Oleh Mustafar A.R. & Aziz Sattar



PUSTAKA PERDANA



1006959





#1093L1

MZA Terbit Enterprise
Mempersembahkan

"FILEM-FILEM P. RAMLEE"

Penaung/Penerbit PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD

Penesihat/Penolong Penerbit DATUK TAHAARIFFIN

Pengarah MUSTAFAR A.R.

Penolong Pengarah DATUK AZIZ SATTAR

Penulis Cerita MUSTAFAR A.R.

Pennyusun Cerita DATUK AZIZ SATTAR

Penyunting ZAINI HJ YUSOP

Pembaca Pruf SURYANI ABDUL RAHMAN

Pereka Kulit Depan/Pereka Bentuk

MUSTAFAR A.R. (Rekaan Awal)

MOHD. SHAH AZMIR MAZLAN (Rekaan Akhir)

Penulis Mukadimah KU SEMAN KU HUSSAIN

PEMBANTU-PEMBANTU

Pengkajiselidik Filem P. Ramlee MUSZAIMI

Pengkajiselidik Filem Asing MOKHTARADZI

Pengkajiselidik Biografi/Fakta AIDAZAILINA

Pengkajiselidik Lagu/Foto MUSZAILI

Pegawai Penerangan/Publisiti

DATUK AZIZ SATTAR

ZAINI HJ YUSOP

MUSTAFAR A.R.

PENTADBIRAN

Pengarah Eksekutif/Pengurus MUSTAFAR A.R.

Penolong Pengurus/Pemasaran Eksekutif MUSZAIDI MUSTAFAR

Setiausaha/Setiausaha Kewangan ZAINI HJ YUSOP

PERCETAKAN

Pengarah Eksekutif/Pengurus ROSAINI HJ. OTHMAN

Pemasaran Eksekutif MOHD. SHAH ABDUL RAHMAN

Penolong Pengurus ALI KAMAT

Operator Mesen Cetak AHMAD HELMI BAHARI

Di Terbit & Di Edarkan Oleh MZA Terbit Enterprise
No. 391 Lrg. Desa Ixora 2/4, Taman Desa Ixora, Senawang
70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia
Telefon: 06-6791268/012-3408117 E-mel: muszai@tm.net.my

Di Cetak Oleh D'REKA DigiArt & PrintShoppe Sdn. Bhd.
No. 11 Tingkat Bawah, Jalan Bunga Raya 8
Pusat Perniagaan Senawang, Taman Tasik Jaya
70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia
Telefon: 06-6786931/013-6767476 Faks: 06-6791261

Cetakan Pertama - Januari 2008

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Mustafar A.R., 1943-

Filem-Filem P. Ramlee/Oleh Mustafar A.R. & Aziz Sattar.

ISBN 978-983-43591-0-2

1. P. Ramlee, Tan Sri, — 1929-1973 — Contributions in Motion Pictures, Malay.

2. Motion Pictures, Malay. 3. Motion Pictures—Malaysia—Reviews.

I. Aziz Sattar, Datuk, 1925-. II. Judul.

791.430899923

J L
MUC



MUKADIMAH

“RASHOMON” karya tokoh filem dunia Akira Kurasawa mempengaruhi P. RAMLEE semasa mengarahkan “Semerah Padi.” Mungkin kenyataan ini mengejutkan tetapi sebenarnya tidak perlu terkejut kerana seni itu saling mempengaruhi antara satu dengan lain.

Kalau dilihat dari aspek perkembangan “Semerah Padi” adalah contoh yang cukup menarik menunjukkan kemampuan P. RAMLEE menjelmakan “Semerah Padi” sebagai filem yang kental dengan Melayunya.

Sebelum kita dikejutkan dengan slogan pandang ke Timur, P. RAMLEE terlebih dulu memandang ke Timur apabila sinematografi “Semerah Padi” menghampiri “Rashomon.”

Malangnya ramai karyawan dan peminat yang ekstrim memuja P. RAMLEE dari sudut peribadi yang lebih bersifat nostalgia semata-mata.

Ini adalah antara faktor yang mengunci tahap pemikiran dalam filem Melayu, P. RAMLEE hanya menjadi simbol filem Melayu tetapi tidak diterokai, dihayati dan ditafsirkan sebaik mungkin.

Masyarakat kita lebih senang memperkatakan tentang P. RAMLEE dari aspek peribadinya tetapi tidak mengupas karyanya. Kalau dianalisis mereka bimbang akan timbul kelemahan dalam karya P. RAMLEE.

Sampai bila kita hanya memperkatakan hal remeh-temeh tentang P. RAMLEE sedangkan ada perkara lain yang lebih besar tersimpan dalam karya Seniman Agung ini? Kita perlu melihat kesenimanan P. RAMLEE dalam karyanya secara terbuka.

Buktinya ramai yang tidak tahu “Rashomon” arahan Akira Kurosawa memberi ilham kepada P. RAMLEE untuk mengarahkan “Semerah Padi”. Ini yang tidak pernah didedahkan.

Ini perlu dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi seorang seniman yang mahu keluar dari lingkungan pemikiran yang sempit.

Sebagai orang yang tidak pernah melihat wajah P. RAMLEE (kecuali menerusi filem), saya lebih senang mengenali kesenimanan P. RAMLEE menerusi filem-filemnya.

Cara begini rasanya lebih adil dari mengenali P. RAMLEE dengan cerita yang di tokok tambah yang menyimpang jauh dari lingkungan kesenimanannya. Karyawan kita perlu tahu membezakan antara riwayat dengan seni P. RAMLEE.

Para akademik atau sarjana semacam tidak berpeluang memberikan pandangan mereka tentang karya P. RAMLEE kerana adanya golongan apa yang dikatakan “tidak tahu membezakan antara riwayat dengan seni P. RAMLEE”.

Setelah sekian lama pemergian P. RAMLEE karya-karyanya tidak dapat dibincangkan secara terbuka dan rasional.

Alangkah ruginya kita yang masih dibelenggu dengan pemikiran tertutup tentang P. RAMLEE. Seharusnya karya P. RAMLEE diperkatakan dengan bebas dan bertanggungjawab seperti memperkatakan tentang karya Orson Welles dengan “Citizen Kane” atau Akira Kurosawa dengan “Rashomon” dan “Seven Samurai”.


Karya-karya filem tokoh filem berkenaan sentiasa segar sepanjang zaman dengan adanya penemuan-penemuan baru yang diterokai secara ilmiah dan kritis.

Tetapi di Malaysia ini ada yang menjadi benteng utama menutup karya-karya P. RAMLEE dari diterokai secara ilmiah oleh para akademik atau sarjana. Semacam tidak dapat membezakan yang mana kecaman dan kritik.

Oleh KU SEMAN KU HUSSAIN (petikan Utusan Malaysia keluaran 13 September 1991)



PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI SARAWAK
PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD
S.B.S., D.K. (JOHOR), D.P., P.S.M., S.S.D.K., S.S.A.P., S.S.S.A., S.P.M.T.,
S.P.D.K., D.G.S.M., D.P.P.N., KT. W.E. (THAILAND), KEPN (INDONESIA),
S.P.M.B. (BRUNEI), K.O.U. (KOREA), AO (AUSTRALIA), P.C.D.



SAYA terlebih dulu mengucapkan tahniah kepada Datuk Aziz Sattar dan Mustafar A.R. kerana telah berjaya menghasilkan buku mengenai filem-filem P. RAMLEE yang merupakan kali pertama diterbitkan di Malaysia.

Di negara luar terutamanya Amerika, Britain, India dan Jepun telah mengeluarkan banyak buku mengenai filem-filem dan tokoh-tokoh filem mereka tetapi di Malaysia inilah pertama kali diusahakan.

Mengenai P. RAMLEE tidak sesiapa pun boleh mempertikaikan bakatnya yang luar biasa yang mana agak sukar dicari penggantinya walaupun 1000 tahun lagi. Filem-filem lakonan dan arahnya serta lagu-lagu nyanyian, ciptaan dan gubahannya tetap segar sepanjang zaman dan akan terus diminati sehingga ke suatu masa yang tidak ada sesiapa pun dapat menentukannya.

Pembukuan hasil-hasil karya tokoh-tokoh filem seperti Filem-Filem P. RAMLEE ini tidak sepatutnya berhenti disini saja. Ramai lagi tokoh filem yang banyak jasanya dalam dunia perfileman Melayu (Malaysia) patut diketengahkan, lagi pun buku mengenai mereka tidak banyak. Oleh yang demikian usaha harus dibuat untuk dipergandakan lagi.

Kalau kita mahu membuat rujukan mengenai filem, ke mana harus kita tuju? Tentulah ke Arkib Negara, ke Finas dan ke Perpustakaan Negara. Ini bukan perkara mudah, banyak kesulitan dan halangan terpaksa di lalui. Tetapi kalau ada bermacam-macam buku mengenai filem dan tokohnya tentu kita tidak payah lagi bersusah payah dan tidak perlu menyelongkar di mana-mana. Pergi saja ke perpustakaan atau beli saja di kedai-kedai buku.

Itulah sebabnya, apabila Datuk Aziz Sattar dan Mustafar A.R. menulis surat memohon bantuan dan seterusnya meminta saya menjadi penerbit buku Filem-Filem P. RAMLEE ini, saya bersetuju tambahan pula saya dari dulu lagi sememangnya meminati P. RAMLEE.


Saya sangat-sangat berharap selepas terbitnya buku ini akan lahir pula buku-buku Filem-Filem Sa'adiah, Filem-Filem L. Krishnan, Filem-Filem Ahmad Mahmud, Filem-Filem Jamil Sulong, Filem-Filem Jins Shamsudin, Filem-Filem Kasma Booty, Filem-Filem S. Roomai Noor, Filem-Filem Latiffah Omar dan ramai lagi.

Setelah saya meneliti apa yang terkandung dalam buku ini, saya dapati bukan mudah untuk dilaksanakan. Datuk Aziz Sattar dan Mustafar A.R., bukan setakat menonton filem-filem P. RAMLEE saja tetapi juga filem-filem India (Hindustan), Cina (Hong Kong), Jepun, Barat (Hollywood dan Britain) di samping membuat kajiselidik yang mendalam bagi menguatkan lagi fakta-faktanya.

Saya rasa, cara mereka menghasilkan buku Filem-Filem P. RAMLEE ini tidak ramai yang boleh melakukannya. Tidak hairanlah penyelenggaraannya memakan masa yang agak lama, bertahun-tahun. Saya difahamkan, bermula sejak tahun 1988.


Saya sendiri tidak tahu lagu *Getaran Jiwa* sama dengan lagu yang terdapat dalam filem Cina "Love Without End", saya tidak menyedari filem "Antara Dua Darjat" di ilhamkan oleh Omar Rojik dari filem "Madhumati" dan lebih menarik lagi filem "Nujum Pa' Blalang" hasil tontonan P. RAMLEE terhadap filem "Tom Thumb."

Pendek kata, setelah membaca buku ini, saya dapat memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai filem-filem P. RAMLEE.



(PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD)

Ketua Menteri Sarawak

TIDAK BERHASRAT MERENDAH-RENDAHKAN KREATIVITI P. RAMLEE*Oleh Mustafar A.R.*

TIDAK lama dulu (1988) saya berkesempatan berkunjung ke Amerika Syarikat (USA) dalam rangka lawatan sambil belajar yang dibiayai Persatuan Wartawan Filem Malaysia (PWFMM). Ketika berada di sebuah kedai buku di Hollywood berhampiran Chinese Mann Theatre, saya dapati banyak buku mengenai filem dijual disitu. Bermacam-macam dan kalau mahu dibaca sambil lalu pun akan memakan masa yang agak panjang.

Ketika tercari-cari dan membelek-belek, tiba-tiba saya terpandangkan buku tebal bertajuk **The Complete Films Of John Wayne**. Kerana tertarik dan juga meminati John Wayne, terus saya ambil lalu meneliti kandungannya.

Buku yang ditulis bersama **Mark Ricci, Boris Zmijewsky dan Steve Zmijewsky** itu ialah mengenai filem-filem yang dibintangi dan diarahkan John Wayne bermula **Mother Machee** (1928) sehinggalah ke filem terakhirnya **The Shootist** (1976).

Dalam buku tersebut, tercatat butir-butir (seperti pelakon, petugas di belakang layar, ringkasan cerita, masa tayangan dan tahun dikeluarkan) setiap filem yang melibatkan bintang popular itu yang mana ini sangat berguna dijadikan rujukan.

Apabila merasakan buku seperti ini bermanfaat, tidak semena-mena saya teringatkan **P. RAMLEE** yang sangat saya minati sebagaimana saya meminati John Wayne dan dalam hati saya berkata, *Elok juga kalau saya usahakan penerbitan buku filem-filem P. RAMLEE ini. Lagi pun setakat ini belum ada sesiapa pun yang buat.*

Oleh kerana hati sudah berdetik dan keinginan melaksanakannya sudah terpahat, saya pun mula mencari lagi buku-buku yang sama coraknya tetapi mengenai bintang filem lain pula. Memang banyak, kalau mahu dibeli semuanya tidak mampu. Sudahnya dan sebagai panduan saya hanya membeli dua saja. Satu mengenai John Wayne dan satu lagi Elizabeth Taylor bertajuk **The Films Of Elizabeth Taylor** karangan Jerry Vermilye dan Mark Ricci.

Sejak itu, saya berazam untuk mengusahakan buku mengenai filem-filem **P. RAMLEE** dan apabila pulang ke Malaysia saya pun mula membuat reseach (kajian) serta mengumpul apa saja yang ada hubungkait dengan filem-filem yang di lakun dan diarahkan **P. RAMLEE**.

Untuk mencari fakta dan angka yang tepat bukan perkara mudah. Saya terpaksa menyelongkar Perpustakaan Utusan Melayu (kebetulan pula saya bertugas di Utusan) mencari akhbar-akhbar lama terutama Utusan Melayu tulisan jawi dan membuat kajian di Perpustakaan Dewan Bahasa & Pustaka berpadukan buku filem, majalah dan akhbar mengenai filem yang masih tersimpan dengan baik di situ.

Kandungan buku, majalah dan akhbar tersebut tidak boleh diambil bulat-bulat kerana kadang-kadang ada juga yang salah - lari dari fakta. Ini pernah terjadi ada penulis hanya berpandukan pada satu sumber saja tanpa meneliti faktanya samada ianya salah atau tidak.

Sebagai contoh, ada penulis mengambil catatan cerita dari sebuah majalah tanpa merujuk pada filem sedangkan filemnya masih ada. Terjadilah kesilapan yang tidak sepatutnya terjadi. Begitu juga dengan tajuk filem. Mana ada tajuk filem **Penanggal. Hantu Jerangkong** adalah. Lagu *Alam* petikan filem **Kipas Hikmat** bukannya **Abu Hassan Penchuri** dan banyak lagi.

Kesilapan paling nyata, **P. RAMLEE** tidak terlibat dengan **Menyerah** tetapi kesilapan terus berlaku dan akan terus silap selagi pembetulan tidak dibuat. Ini disebabkan sipenulis tidak membuat semakan tidak buat kajian - diambilnya bulat-bulat dari sumber yang silap. Apa akan jadi jika yang salah ini terus dijadikan rujukan. Tentulah selama-lamanya salah. Oleh yang demikian, saya tidak terburu-buru melaksanakannya.

Sebenarnya, buku **Filem-Filem P. RAMLEE** ini boleh diterbitkan di awal tahun 1990an kerana bahan-bahan dikira mencukupi. Tetapi elok juga tidak jadi kerana kemudian banyak lagi filem **P. RAMLEE** muncul dan mudah pula mendapatkannya di pasaran. Ini membolehkan bahan-bahan diperbanyakkan di samping mendapatkan fakta yang dikira tepat dan betul.

Filem-filem **P. RAMLEE** yang tidak pernah saya tonton hanyalah **Noor Asmara** dan **Bakti** manakala yang tidak ada dalam simpanan pula **Penghidupan** dan **Si Tora Harimau Jadian** saja.

Berdasarkan filem-filem **P. RAMLEE** yang ada ditambah dengan tulisan-tulisan yang terdapat dalam buku, majalah dan akhbar sebagai rujukan diharap buku ini mengandungi sesuatu yang boleh diterima kesahihannya walaupun tidak 100% tepat dan betul.

Kemungkinan dapat juga dikesan kesilapannya serta kekurangan di mana-mana dan jika ini berlaku diharap ada pula penulis-penulis lain yang akan membuat pembetulan dan penambahan dalam buku-buku yang bakal mereka terbitkan nanti. Tentulah ini sesuatu yang diperlukan.

Segala ulasan dan kritikan saya tulis sendiri (berdasarkan pengalaman saya bekerja di Utusan hampir 28 tahun terutama dalam bidang hiburan) berpandukan filem-filem **P. RAMLEE** yang saya tonton. Yang tidak saya tonton bersandarkan ulasan-ulasan yang terdapat dalam buku, majalah dan akhbar setelah kesahihannya memuaskan hati saya.

Dengan lahirnya buku **Filem-Filem P. RAMLEE** ini diharap juga sebagai pembuka jalan penulis-penulis lain menjadikan buku mengenai tokoh-tokoh filem yang banyak jasanya terhadap perkembangan filem Malaysia seperti **Ahmad Mahmud, Kasma Booty, S. Roomai Noor, Sa'adiah, Jins Shamsudin, Yusof Latiff, Siput Sarawak, Rosnani, Latiffah Omar, Jamil Sulong, Sarimah, Normadiah, Omar Rojik, S. Kadarisman, Hashimah Yon, Neng Yatimah, Rose Yatimah, Aziz Jaafar, Zaiton, Nordin Ahmad, M. Amin, Mustapha Maarof** dan ramai lagi.

Selain merujuk ke buku, majalah dan akhbar tulisan saya dan Aziz Sattar berdasarkan temuramah dengan Omar Rojik, L. Krishnan dan Jins Shamsudin.

Tetapi temuramah dengan tokoh-tokoh filem yang terlibat tidak banyak membantu. Banyak perkara mereka tidak ingat.

Contoh terbaik L. Krishnan. Bila bertanyakan mengenai filem "Derita" jawapannya memeranjatkan saya. "Ini filem saya 'direct', ka?" tanyanya pula kepada saya.

Bila disentuh "Antara Senyum Dan Tangis", L. Krishnan menerangkannya panjang lebar. Saya termangu-mangu kerana apa yang diterangkannya filem "Selamat Tinggal Kekasehku" bukannya "Antara Senyum Dan Tangis."

Malah dalam bukunya Odisi Krishnan, terdapat kesilapan. "Pembunuhan Dalam Gelap" adalah tajuk asal "Sumpitan Rachun" bukan dua filem yang berlainan.


Apa yang saya harapkan buku yang tidak sepertinya ini sedikit sebanyak akan memberi manfaat kepada mereka yang meminati filem-filem Melayu terutama filem-filem **P. RAMLEE** dan juga untuk mengisi rak-rak buku di perpustakaan seluruh Malaysia di samping menjadikannya sebagai telaga menimba ilmu dan tempat rujukan terutama mengenai filem.

Perlu diingat, penerbitan buku ini tidak berhasrat merendah-rendahkan kreativiti P. RAMLEE. Ia hanya dilaksanakan berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai kesahihannya.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri Sarawak YAB Penin Sri Dr. Abdul Taib Mahmud kerana sudi mengulurkan sumbangan kewangan membiayai kos penerbitan buku **Filem-Filem P. RAMLEE** ini.

SELAGI NADI FILEM MALAYSIA MASIH BERDENYUT

Oleh *Datuk Aziz Sattar*



(22 Mac 1929 - 29 Mei 1973)

TIDAK keterlaluan kalau dikatakan P. RAMLEE itu filem Melayu (Malaysia), filem Melayu itulah P. RAMLEE. Ini kerana filem lakonan dan arahnya sukar ditandingi, hingga sekarang pun terus mendapat tempat di hati peminat filem Melayu termasuk generasi baru dan mereka yang telah dan akan lahir selepas pemergiannya.

Di lahirkan di Pulau Pinang pada 22 Mac 1929, P. RAMLEE (nama sebenarnya Teuku Zakaria Bin Teuku Nyak Puteh) memulakan kariernya sebagai pelakon filem pada tahun 1948 bila pengarah B.S. Rajhans memberikan peranan pelakon pembantu (sebagai Putar) dalam "Chinta" disamping Siput Sarawak dan S. Roomai Noor.

"Chinta" mula ditayangkan 26 Oktober 1948 (tayangan tengahmalam) di Panggung Rex, Singapura dan merupakan filem keempat di keluarkan Malay Film Productions (MFP) yang di kendalikan Shaw Brothers (di bawah pimpinan adik-beradik - Runme Shaw dan Run Run Shaw) selepas "Singapura Di Waktu Malam", "Chempaka" dan "Pisau Berachun".

Setelah memperlihatkan kebolehan berlakon dalam "Chinta", P. RAMLEE diberi pula peranan pelakon pembantu oleh B.S Rajhans dalam "Noor Asmara", "Nasib", "Nilam" dan "Rachun Dunia" sebelum L. Krishnan menaikkan tarafnya sebagai hero (peranan penting) dalam "Bakti".

Bagaimanapun selepas "Takdir Illahi", P. RAMLEE masih belum mendapat kepercayaan B.S. Rajhans apabila diturunkan pangkat (balik sebagai pelakon pembantu) kepada Osman Gumanti dalam "Aloha".

Begitupun juga (selepas "Aloha" dan bertolak daripada "Penghidupan"), P. RAMLEE tidak lagi menoleh ke belakang terus maju ke depan dengan membawa peranan penting (hero) dalam filem yang kesemuanya mendapat sambutan hangat seperti antaranya "Sejoli", "Juwita", "Antara Senyum Dan Tangis", "Sedarah", "Ibu", "Anjoran Nasib", "Putus Harapan", "Perjodohan" dan "Panggilan Pulau".

Setelah membintangi 24 buah filem di bawah arahan pengarah-pengarah keturunan India seperti B.S. Rajhans, L. Krishnan, S. Ramanathan, K. Basker dan B.N. Rao pada tahun 1955 P. RAMLEE pun di angkat sebagai pengarah dengan filem pertamanya, "Penarek Becha".

"Penarek Becha" mendapat sambutan di luar dugaan dan dengan itu P. RAMLEE telah menjadi 'golden boy' (anak emas) kepada Shaw Brothers dengan memberikannya 'green light' mengarahkan beberapa buah filem yang boleh di katakan semuanya mendapat sambutan hangat seperti "Panca Delima" (bercorak fantasi dan mempopularkan Jins Shamsudin dan Hashimah Yon), "Semerah Padi" (menitikberatkan kesucian agama Islam), "Bujang Lapok", "Pendekar Bujang Lapok", "Musang Berjanggung" dan "Nujum Pa' Blalang" (bercor



komedi mengandungi sindiran tajam terhadap masyarakat dan kalangan istana) dan lain-lain lagi yang tidak kurang menariknya.

"Melanchong Ka-Tokyo" merupakan filem terakhir P. RAMLEE (sebagai Bintang Undangan) di MFP sebelum berpindah ke Kuala Lumpur berkhidmat dengan Merdeka Filem Studio (MFS) pada 1961.

Sewaktu di Singapura, P. RAMLEE mendapat kejayaan besar dengan memenangi beberapa anugerah filem terutama di Festival Filem Asia-Pasifik termasuk untuk dirinya sendiri seperti 'The Best Music: Dramatic Section' (Muzik Terbaik: Bahagian Dramatik) di Hong Kong ("Hang Tuah" - 1956), 'The Best Male Lead Actor: Dramatic Film' (Pelakon Utama Lelaki Terbaik: Filem Dramatik) di Tokyo ("Anak-Ku Sazali" - 1957), 'The Best Comedy' (Komedi Terbaik) di Kuala Lumpur ("Pendekar Bujang Lapok" - 1959) dan 'The Most Versatile Talent' (Bakat Serba Boleh) di Tokyo ("Ibu Mertua Ku" - 1963).

Dengan memenangi anugerah 'The Best Lead Male Actor: Dramatic Film' sudah terbukti keunggulan P. RAMLEE dan bertambah unggul apabila di pilih pula menerima anugerah 'The Most Versatile Talent' (satu anugerah khusus diwujudkan untuk P. RAMLEE dan tidak pernah ada selepas itu sampai sekarang ini) di samping memiliki banyak anugerah Festival Filem Asia-Pasifik itu berbanding dengan mereka yang terlibat sama dalam dunia perfileman di Malaysia.

Di MFS, "Si Tora Harimau Jadian" merupakan filem pertama di arahkan P. RAMLEE kemudian di susuli pula "Ragam P. Ramlee", "Masam2 Manis", "Do Re Mi", "Kanchan Tirana", "6 Jahanam", "Dr. Rushdi", "Jangan Tinggal Daku" dan banyak lagi.

Di studio itu juga, buat pertama kalinya P. RAMLEE berlakon (sebagai pelakon pembantu) di bawah arahan pengarah lain (selepas "Sergeant Hassan" yang diarahkan oleh pengarah Filipina, Lamberto V. Avellana) iaitu "Bukan Salah Ibu Mengandung" arahan Jins Shamsudin - pelakon yang di perkenalkannya dalam "Panca Delima." Kemudian di susuli pula "Di Belakang Tabir" (1971) sebagai pelakon utama ('leading role of male actor') yang merupakan filem kedua yang di arahkan Jins Shamsudin.

Filem terakhir lakonan dan arahan P. RAMLEE di MFS "Laxmana Do Re Mi" yang di usahakannya dalam tahun 1972 dan mula di tayangkan bulan Mei 1973 - sejurus sebelum beliau meninggal dunia.

Merasakan yang kontreknya dengan MFS tidak akan di sambung, P. RAMLEE bersama H.M. Shah menubuhkan Perfileman Nasional Malaysia (PERFIMA) yang di anggotai H.M. Shah, P. RAMLEE sendiri, Ho Ah Loke, L. Krishnan, Jins Shamsudin, Zainuddin Nordin dan Jaafar Abdullah.

Bagaimanapun, tidak lama selepas itu (kerana adanya krisis dalaman) P. RAMLEE dan H.M. Shah telah di dikeluarkan dari PERFIMA dalam mesyuarat pertamanya yang diadakan di bangunan baru PERFIMA di Jalan Ampang.

Kemudian, dengan semangat yang tidak pernah pudar, bersama H.M. Shah (pengeluar filem "Kaseh Menumpang") P. RAMLEE menubuhkan pula Rumpun Melayu.

Ketika sedang bekerja keras menyusun berbagai program untuk di laksanakan oleh Rumpun Melayu, di pagi Selasa (29 Mei 1973) P. RAMLEE meninggal dunia secara mengejut di serang penyakit jantung ketika usianya masih muda - lebih sedikit 44 tahun.

Oleh kerana telah memperlihatkan kecemerlangnya dalam dunia perfileman Melayu (Malaysia) dan manusia berbakat sepertinya sukar di cari ganti, P. RAMLEE telah di kurniakan anugerah darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri kurniaan Yang di-Pertuan Agung DYMM Azlan Shah pada 6 Jun 1990.

Sebelum itu, P. RAMLEE telah di anugerahkan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Yang di-Pertuan Agung DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail (1963) dan anugerah yang memberikannya gelaran Seniman Agung di Malam Anugerah Penghargaan SENIMAN pada 26 November 1978.

Dalam Festival Filem Malaysia Pertama (FFM1-1981) telah diwujudkan Anugerah P. RAMLEE untuk di anugerahkan kepada tokoh-tokoh filem yang setaraf atau setidak-tidaknya hampir sama dengannya. Bagaimanapun, definasi anugerah tersebut terpaksa di pinda kerana untuk mencari seseorang yang menepati definasi tersebut sangatlah sukar.

Setakat ini cuma tiga tokoh filem saja pernah memenanginya. Di Festival Filem Malaysia Ke-6 (FFM6-1986), Jins Shamsudin diberi penghormatan menerimanya, dalam Festival Filem Malaysia Ke-12 (FFM12-1995) L. Krishnan pula mendapat penghormatan dan Jamil Sulong mendapat gilirannya di Festival Filem Ke-14 (FFM14-1999).

Pada tahun 2005, Universiti Malaya (UM) telah menganugerahkan P. RAMLEE dengan ijazah kehormat "Doktor Seni Persembahan" - satu pengiktirafan dan simbol mengenang jasa oleh UM terhadap P. RAMLEE yang telah banyak sumbangannya kepada dunia seni tanahair.

P. RAMLEE sudah pun pergi sekian lama, namun jasa dan baktinya tetap di kenang dan di sanjung tinggi walaupun hingga 1000 tahun lagi ataupun selagi nadi seni tanahair (terutamanya filem Malaysia) masih berdenyut.

ISI KANDUNGAN

1. CHINTA _____ Muka 12
2. NOOR ASMARA _____ Muka 17
3. NASIB _____ Muka 22
4. NILAM _____ Muka 27
5. RACHUN DUNIA _____ Muka 33
6. BAKTI _____ Muka 38
7. TAKDIR ILLAHI _____ Muka 43
8. ALOHA _____ Muka 48
9. PENGHIDUPAN _____ Muka 52
10. SEJOLI _____ Muka 57
11. JUWITA _____ Muka 61
12. ANTARA SENYUM DAN TANGIS _____ Muka 66

13. ANJORAN NASIB _____ Muka 70
14. PATAH HATI _____ Muka 75
15. SEDARAH _____ Muka 79
16. MISKIN _____ Muka 85
17. PUTUS HARAPAN _____ Muka 90
18. IBU _____ Muka 95

19. HUJAN PANAS _____ Muka 100
20. SIAPA SALAH? _____ Muka 104
21. PANGGILAN PULAU _____ Muka 108
22. PERJODOHAN _____ Muka 113
23. MERANA _____ Muka 117
24. ABU HASSAN PENCHURI _____ Muka 121

25. PENAREK BECHA _____ Muka 125
26. HANG TUAH _____ Muka 132
27. SEMERAH PADI _____ Muka 140
28. ANAK-KU SAZALI _____ Muka 146
29. PANCA DELIMA _____ Muka 152
30. BUJANG LAPOK _____ Muka 161



31. SUMPAH ORANG MINYAK _____ Muka 166
32. SERGEANT HASSAN _____ Muka 172
33. PENDEKAR BUJANG LAPOK _____ Muka 177
34. "MUSANG" BERJANGGUT _____ Muka 182
35. NUJUM PA' BLALANG _____ Muka 187
36. ANTARA DUA DARJAT _____ Muka 192

37. ALI BABA BUJANG LAPOK _____ Muka 198
38. SENIMAN BUJANG LAPOK _____ Muka 203
39. IBU MERTUA KU _____ Muka 208
40. LABU DAN LABI _____ Muka 213
41. LOVE PARADE _____ Muka 217
42. NASIB SI LABU LABI _____ Muka 222


43. MADU TIGA _____ Muka 226
44. 3 ABDUL _____ Muka 231
45. MELANCHONG KA-TOKYO _____ Muka 236
46. SI TORA HARIMAU JADIAN _____ Muka 241
47. RAGAM P. RAMLEE _____ Muka 246
48. DAJAL SUCHI _____ Muka 251

49. MASAM2 MANIS _____ Muka 256
50. SABARUDIN TUKANG KASUT _____ Muka 262
51. DO RE MI _____ Muka 267
52. NASIB DO RE MI _____ Muka 272
53. SESUDAH SUBOH _____ Muka 278
54. KELUARGA 69 _____ Muka 283

55. ANAK BAPAK _____ Muka 288
56. GERIMIS _____ Muka 293
57. AHMAD ALBAB _____ Muka 298
58. KANCHAN TIRANA _____ Muka 304
59. BUKAN SALAH IBU MENGANDONG _____ Muka 309
60. 6 JAHANAM _____ Muka 316
61. DI BELAKANG TABIR _____ Muka 321
62. DR. RUSHDI _____ Muka 326
63. GELORA _____ Muka 331
64. PUTUS SUDAH KASEH SAYANG _____ Muka 336
65. JANGAN TINGGAL DAKU _____ Muka 341
66. LAXMANA DO RE MI _____ Muka 346



PRODUSER DAN PENGARAH



RUNMESHAW



RUN RUN SHAW




B.S. RAJHANS



L. KRISHNAN




S. RAMANATHAN



K.M. BASKER



B.N. RAO



PHANIMAJUMDAR



LAMBERTO V. AVELLANA



RAMONA ESTELLA



DHIRESH GHOSH



JINS SHAMSUDIN

1. CHINTA



Di-Keluarkan Oleh RUNME SHAW CHINTA dan SIPUT SERAWAK Di-Dalam
"CHINTA" Gambar Di-Ambil Oleh CHOW CHENG KOK KWO CHANG TSAN
Suara Di-Ambil Oleh YAP YAN SENG CHENG CHOW TONG Pengarang Lagu2
ZUBIR Pancharagam ALFONSO SOLIANO DI-SOKONG OLEH King Kanchi &
Sanchi ROOMAI NOR Gamban JA'AFAR WIRYO Vidush HARRIS Putar
P. RAMLEE Ruchi SUHARA EFFENDI Island Girls NORSHIAH & LELAWATI
Di-Pengarah Oleh B.S. RAJANS

Tahun Diedarkan: 1948 (Oktober)
Masa Tayangan: 1 jam 32 Minit (lebih kurang)





RINGKASAN CERITA

CERITA bermula di Brunei Utara 500 tahun lalu apabila Raja Indrapuri (Raja Kanchi) bersama pembantunya (Vidush), ketika dalam pelayaran menyamar diri sebagai ahli perniagaan, telah ditimpa kecelakaan apabila kapal yang mereka naiki karam dipukul gelombang besar.

Raja Kanchi dan Vidush terdampar di sebuah pulau di mana ada nelayan tinggal di situ. Pulau kampung nelayan tersebut dikuasai oleh Datuk Penghulu (Gamban). Raja Kanchi diselamatkan oleh anak angkat Datuk Penghulu (Chinta) manakala Vidush pula sampai ke rumah seorang gadis (Ruchi) lalu terus tinggal bersamanya yang juga mempunyai seorang ayah. Supaya tidak diketahui oleh sesiapa, siapa diri baginda yang sebenar, Raja Kanchi menyamar menggunakan nama Sanchi dan kemudian jatuh cinta dengan Chinta yang merupakan gadis paling jelita yang terdapat di pulau nelayan itu.

Bagaimanapun, percintaan Sanchi dan Chinta mendapat halangan apabila dia ditentang oleh Putar, pemuda yang menaruh hati terhadap Chinta. Sebagai usaha menggagalkan percintaan antara Sanchi dan Chinta, Putar menyebarkan fitnah dengan menyatakan Sanchi adalah perompak yang datang ke pulau tersebut bertujuan merampas harta karun yang ada terpendam di pulau itu. Putar menghasut penduduk-penduduk dan meminta Datuk Penghulu menghalau Sanchi keluar dari pulau tersebut.


Begitupun juga, demi kebenaran "siapa benar, siapa salah" Datuk Penghulu mencadangkan supaya satu pertarungan antara Sanchi dan Putar diadakan. Dalam pertarungan yang sengit itu, Sanchi akhirnya berjaya menewaskan Putar. Walaupun mempunyai kesempatan untuk membunuh Putar yang

sepatutnya dilakukan, tetapi Sanchi tidak melaksanakannya dan ini membuatkan Putar menyesali atas kesilapan yang telah dilakukannya.

Dalam pada itu, Datuk Penghulu telah menerangkan keadaan sebenarnya tentang diri Chinta yang mahu membalas dendam terhadap Raja Indrapuri yang memerintah sekarang. Ini disebabkan ayahandanya telah memerontak dan merampas Kerajaan Indrapuri hingga menyebabkan Gamban (dulu seorang panglima yang setia) terpaksa melarikan diri dengan membawa Chinta (masih kecil) bersamanya bagi mengelak menjadi mangsa pembunuhan seperti yang terjadi kepada Raja dan Permaisuri Kerajaan Indrapuri.

Penghulu merasakan sudah tiba masanya Chinta mengambil tindakan membalas dendam dengan membunuh Raja Indrapuri yang memerintah sekarang. Tetapi apabila perkara itu dibawa ke pengetahuan Sanchi, Sanchi tidak setuju dan ini menyebabkan Chinta merasa kurang senang dan jauh hati.

Apabila Sanchi kembali ke Indrapuri, Chinta dan Gamban menyusul dan berjaya masuk ke dalam istana melalui pintu rahsia yang sememangnya diketahui oleh Gamban dan terus masuk ke bilik tidur (peraduan) Raja Kanchi (Sanchi) dan mereka hampir-hampir berjaya membunuh Raja Kanchi. Tetapi kemudian tertangkap. Bagaimanapun, Raja Kanchi mengarahkan supaya Chinta dan Gamban dibebaskan.



Filem-Filem P. RAMLEE

RAMAI yang tidak tahu dalam mengarahkan filem "Nujum Pa' Blalang", P. RAMLEE sebenarnya banyak berpandukan filem "Tom Thumb" yang diarahkan George Pal. Adegan klasik ketika Aziz Sattar dan S. Shamsuddin membahagi-bahagikan duit, terdapat dalam filem tersebut.

Begitu juga dengan telatah lucu semasa P. RAMLEE, Aziz Sattar dan S. Shamsuddin mengekori Rose Yatimah dalam "Pendekar Bujang Lapok", ditirunya dari filem "C.I.D." yang dibintangi Dev Anand dan Shakila.

Filem "Sumpah Orang Minyak" pula, banyak adegan yang dihasilkan bersumberkan dua filem yang sudah menjadi klasik - "The Hunchback Of Notre Dame" dan "Wizard Of Oz".

Adegan perlawanan tinju dalam filem "Nasib Si Labu Labi" diilhamkannya dari filem Charlie Chaplin - "City Light". Dan ketika P. RAMLEE mencari Sa'adiah yang diculik Salleh Kamil disertai berjalan cepat dalam filem "Semerah Padi" merupakan adegan yang sama terdapat dalam filem Jepun arahan Akira Kurosawa - "Rashomon."

"P. RAMLEE seorang yang kreatif dan P. RAMLEE juga seorang penciplak dan peniru. Bagaimanapun, kita tidak tahu apa (di mana) yang diciplak dan apa (di mana) yang ditirunya. Itu adalah kepintaran dan keistimewaanannya," kata L. Krishnan.

Suatu kenyataan yang tidak seharusnya dianggap memperkecilkan kreativiti P. RAMLEE atau sensitif terutama kepada peminat-peminat fanatik P. RAMLEE, tetapi sebaliknya itulah fakta yang tidak boleh sesiapa pun mempertikaikannya. Pengarah-pengarah hebat - Steven Spielberg, Raj Kapoor dan Akira Kurasawa - pun menciplak dan meniru juga, inikan pula P. RAMLEE.

Cerita filem L. Krishnan, "Bakti," merupakan gabungan filem "Wuthering Heights" arahan William Wyler dan filem "Les Miserables" yang diarahkan Richard Boleslawski.

Cerita filem "Panggilan Pulau" pula merupakan gabungan filem "Wuthering Heights" dengan "The Count of Monte Cristo" yang diarahkan Rowland V. Lee.

Begitu juga filem "Sedarah," S. Ramanathan banyak terikut-ikutkan filem "Awara" manakala filem "Putus Harapan" arahan B.N. Rao banyak pula terpengaruh dengan filem "Barsaat" - kedua-duanya arahan Raj Kapoor.

Filem "Anak-Ku Sazali" telah memberi anugerah kepada P. RAMLEE. Tetapi berapa ramai yang tahu filem tersebut diciplak "My Son, My Son" arahan Charles Vidor. "Antara Dua Darjat" merupakan salah satu filem terbaik yang diarahkan P. RAMLEE, tahukah anda filem tersebut ceritanya ditulis oleh Omar Rojik berdasarkan filem Bimal Roy yang sudah dianggap klasik - "Madhumati."

Tentang lagu pula, *Getaran Jiwa* ada persamaan dengan lagu yang terdapat dalam filem keluaran Shaw Brothers Hong Kong, "Love Without End," lakonan Lin Dai dan Kwan Shan. Begitu juga *Akulah Penyamun* diilhamkannya dari lagu *Mera Joota Hai Japani* petikan filem "Shree 420" - satu lagi filem arahan Raj Kapoor yang sudah dianggap klasik.

Dalam buku ini, Mustafar A.R. dan Aziz Sattar bukan sekadar mendedahkan segala macam ciplak dan tiru yang terdapat dalam filem-filem P. RAMLEE, tetapi juga ringkasan cerita, ulasan & kritikan, penilaian terhadap P. RAMLEE sebagai pelakon dan pengarah samping menyorot di belakang tabir filem-filem arahan dan lakonannya seperti "Penarek Becha", "Hang Tuah", "Panca Delima" dan "Bukan Salah Ibu Mengandung." Selain itu, dilengkapkan juga senarai setiap pelakon dan para pekerjanya, irama dan lagu serta penyanyi-penyanyinya, anugerah-anugerah yang dimenangnya terutama di Festival Filem Asia-Pasifik, foto-foto filem lakonan dan arahannya di samping fakta dan angka bagi membolehkan anda tahu yang mana selama ini mungkin anda tidak tahu.

Kesemua filem P. RAMLEE sudah jadi klasik dan akan terus diminati ramai walaupun 1000 tahun lagi atau selagi nadi filem Melayu (Malaysia) masih berdenyut sama seperti filem-filem Charlie Chaplin, Raj Kapoor dan Akira Kurosawa.

Buku seperti ini tidak pernah diterbitkan di Malaysia dan bolehlah dianggap sebagai dokumentasi lengkap mengenai filem-filem P. RAMLEE dan sangat bersesuaian dijadikan rujukan terutama di kalangan orang-orang filem dan mereka yang menyayangi P. RAMLEE.

Oleh itu, sekiranya anda meminati filem-filem P. RAMLEE seharusnya pula buku "Filem-Filem P. RAMLEE" ini anda miliki.

ISBN 978-963-43591-0-2



9 789834 359102